

## CAPAN KHATAMAN USTAZ HJ ALI HJ MOHAMAD\*<sup>1</sup>

19 Oktober 2001, jam 2130 – 2215

# *Hidup Dihiasi Adab*

**D**ALAM Islam, soal adab amat utama. Tidaklah Nabi Muhammad diangkat menjadi rasul selain daripada menyempurnakan adab manusia.

Kita semua adalah pengamal tasauf Qadiriyah Naqsyabandiah. Kita menjadi pengamal kerana kita yakin dengan rasa kesungguhan bahawa tarikah kita pelajari dan amalkan ini akan menjadikan kita manusia beradab, mendekatkan diri kita kepada Allah SWT. Dan kita akan menjadi manusia yang dipandang tinggi.

Hari ini dunia berkecamuk dengan masalah ekonomi dan serangan pengganas. Maka soal adab ini semakin penting. Ia akan menentukan sejauh mana kita tenang dan teratur dalam menangani masalah harian. Jadi marilah kita mengingatkan diri kita akan tanggungjawab memelihara adab agar kita menjadi manusia yang beruntung hidup di dunia dan di akhirat.

### **□ Adab kepada Allah SWT**

Dalam pengajaran tasauf, soal adab dititik beratkan kerana ia menjadi cermin jiwa dalam hubungan kita kepada Khalik, Nabi dan Ulama, ibu bapa, guru dan jemaah serta masyarakat umum.

Kita adalah hamba Allah SWT. Sukakah kita menjadi hambanya?

Sebagai orang Islam, kita disuruh pasrah kepada Allah SWT. Erti pasrah atau Islam itu ialah memberikan segala yang ada pada kita kepada dan demi

---

<sup>1</sup> Ini berupa catatan ringkas. termasuk ucapan dalam majlis selepas jamuan malam bersama Lembaga Pentadbir Masjid Khadijah.

Allah SWT saja. Itulah sebabnya kita mengamalkan dan menghayati zikir ***La ilah illah***. Tiada yang berhak disembah selain Allah SWT.

Tiada siapa yang kita takuti selain Allah SWT kerana Dialah yang menentukan segala-galanya.

Bagaimanakah adab kita kepada Allah SWT? Cara terbaik atau sempurna ialah pada yang ditunjukkan oleh insan kamil iaitu Nabi Muhammad saw dalam ibadahnya, termasuk ketika baginda menemui Allah SWT sempena peristiwa Israk Mikraj. Perhatikanlah betapa tawadduknya Nabi Muhammad saw ketika menerima suruhan agar bersolat 50 waktu. Baginda tidak mempersoalkan suruhan Allah SWT. Hanya setelah bertemu dengan para nabi yang lain, barulah baginda bertemu lagi dengan Allah SWT. Apabila Allah SWT menetapkan solat fardu lima waktu saja, Nabi enggan meminta kurang kerana baginda “merasa malu”.

Demikian indahnya adab Nabi saw, yang meliputi erti ‘malu’ untuk menuntut perkara-perkara yang bukan haknya kepada Rab-nya.

Sesungguhnya apabila kita malu, maka kita akan menjaga tutur kata, tingkah laku, cara kita berpakaian dan bergaul. Ini kerana sebagai pengamal tasauf kita menyedari dengan penuh mendalam erti ihsan iaitu kita beribadah seolah-olah ***kita melihat Allah; dan jika kita tidak melihat-Nya, yakinlah Allah melihat kita***. Oleh sebab kita senantiasa dalam pemerhatian Allah SWT, maka kita malu lagi takut untuk melakukan perkara yang ditegahnya. Sebaliknya kita lebih banyak melakukan kebaikan demi mendapatkan keridhaan-Nya.

Solat merupakan tiang seri Islam. Orang Islam yang tidak bersolat akan kehilangan tiang seri ini dan sekaligus identiti/jati dirinya sebagai orang Islam. Solat merupakan asas dalam adab kita kepada Allah SWT. Sekalipun seseorang itu baru memeluk Islam, ia disuruh bersolat secara mudah, misalnya dengan mengangkat takbir; membaca al-Fatiha; berdiri rukuk, sujud dan duduk; bertasyahud dan memberi salam.

Ketika solat, seseorang itu pasrah sebenar pasrah kepada Allah SWT, terutama ketika bersujud. Dari erti ‘sujud’ inilah datang makna ‘masjid’ dan seluruh bumi terhampar ini adalah ‘masjid’. Ketika sujud, seseorang itu tidak

dapat melihat kanan dan kiri kerana ketika inilah nyawanya hanya ditentukan oleh Allah SWT.

Dalam setiap agama, kita boleh dapati adalah cebisan-cebisan perlakuan dalam solat orang Islam – iaitu ada agama mengajarkan umatnya supaya berdiri tegak, ada pula yang disuruh rukuk dan ada pula yang sujud. Namun tiada yang lebih teratur dan indah secara gerak laku batin dan zahir selain solat seorang Muslim.

Selagi kita solat dan lidah serta hati terus berzikir kepada Allah SWT, kita akan tetap Muslim. Hidup kita akan terpelihara.

#### **□ Adab kepada Nabi**

Para Nabi ialah manusia maksum iaitu tidak berdosa. Insan istimewa ini dijadikan contoh atau seri teladan kepada kita. Tentulah contoh terbaik ialah pada Junjungan kita Nabi Muhammad saw.

Sudah setentulah kita beradab dengan Nabi Muhammad dengan mengamalkan sunnahnya iaitu suruhannya dan menjauhi tegahannya. Bibir kita basah senantiasa dengan bersolawat kepadanya kerana Allah SWT dan para malaikat tetap bersolawat kepadanya.

Kita tunjukkan kasih kepada kepada Nabi dengan membaca Berzanji dan Dibai'e. Ketika kita sampai kepada bahagian mendendang ‘marhaban’, secara tidak disedari kita bangkit seolah-olah Nabi saw datang menyambut kita. Beruntunglah mereka yang merasa kehadiran Nabi dan bahkan dapat melihat baginda kerana dianugerahi kasyaf (dapat melihat yang ghaib). Ini menjadikan kita merasa Nabi saw terus hidup bersama kita.

#### **□ Adab kepada ulama/syeikh**

Para ulama ialah pewaris nabi. Para ulama besar yang antaranya menjadi mursyid atau syeikh kepada ajaran tarikat seperti Syeikh Abdul Qadir al-Jilani yang kita ikuti ajaran dan juga Syeikh Bahaudin Naqsyabandi merupakan insan mahfuz iaitu dipelihara Allah akan kesilapannya. Bagaimanakah kita mendapatkan barakah daripada ajaran mereka?

Sudah setentulah kita mengamalkan tarikah mereka dengan sepenuh hati, kita memberikan salam kepada mereka dan bertawassul.

Mengapakah kita memuliakan para syeikh ini? Tentulah kerana kita ini serba kekurangan dan mengharapkan ajaran mereka menjadi penghias iman kita. Semoga doa kita akan lebih mustajab dengan bimbingan para syeikh tadi.

□ **Adab kepada ibu bapa**

Kita terhutang budi kepada ibu bapa kita kerana melahirkan kita di dunia. Setiap orang yang lahir di dunia adalah ‘pemenang’ dalam satu perlumbaan. Ini kerana manusia berasal dari mani. Hanya satu daripada jutaan sperma bapa kita yang akhirnya menjadi bayi. Tetapi ada bayi dapat dilahirkan dan ada pula mati.

Ibu kita melahirkan kita dengan penuh kesakitan. Air susunya tiada gantinya. Bapa pula menyara kita dan mendisiplinkan kita.

Begitu besar sumbangan ibu bapa, maka Islam menetapkan bahawa selepas mentaati Allah, maka taatilah Rasul dan akhirnya ibu bapa. Tanpa restu ibu bapa maka hidup kita tidak barakah.

Rasulullah saw menyatakan bahawa darjat ibu adalah tiga kali daripada ayah. Syurga itu di bawah telapak kaki ibu.

Pada zaman Nabi saw, ada pemuda atau pemudi yang masuk Islam sedang ibu bapanya tidak. Namun Nabi saw tetap menyuruh mereka menghormati ibu bapa mereka yang masih kafir dan jangan sesekali memutuskan hubungan. Maka amalan ini hendaklah diteruskan hari ini.

□ **Adab kepada jemaah/ikhwan**

Kita mungkin tertanya-tanya ke manakah tarikah kita akan membawa kita? Itulah sebab tanbih atau wasiat guru kita, almarhum Syeikh Muhammad Nur Mubarok. Kita baca setiap khataman supaya kita ingat teras ajarannya mengenai hubungan sesama ikhwan, hubungan manusia yang masih berdarjat tinggi, setanding atau rendah, hubungan kita dengan bukan Islam dan negara. Kita adalah jemaah yang membina keharmonian negara yang aman damai.

Saya sangat prihatin mengenai hubungan sesama jemaah atau ikhwan kerana walaupun kita berguru dan sama-sama beriktikaf, tetapi ada kala kata-kata kita menguris hati sehingga menjejas kekhusyukan kita.

Itulah sebab kita mesti selalu saling bersalaman dan bersolawat demi menguatkan perasaan hati kita agar kasih-mengasihi antara sama lain dengan penuh kesopanan dan hormat. Inilah adab kita sebagai jemaah dan ikhwan. Kita saling bantu-membantu antara satu sama lain.

Tidaklah terdiri komplek Masjid Khadijah dengan wang terkumpul hampir \$9 juta tanpa kerjasama ikhwan yang mengorbankan banyak masa dan tenaga. Kejayaan masjid ini mencerminkan kejayaan ikhwannya. Walaupun bilangan kita kecil, namun kerana kita sering bersolat, berzikir, berkhataman dan bermanaqib bersama, maka hubungan kita bak saudara yang karib. Itulah sebab kita mesti pelihara adab ikhwan ini supaya ia akan kekal.

Oleh itu, kita akan adakan pelbagai program untuk menjadikan ikhwan kita merasa segala jerih payah pengorbanan mereka akan dapat dinikmati kembali. Insya-Allah banyak program sudah diaturkan istimewa untuk ikhwan. Peliharalah keikhwanan kita dan jadikanlah ia teladan kepada masyarakat.

**TAMAT**